

07/09/1997

Tangkis elemen luar gugat negara

PERGERAKAN Wanita Umno mahu satu anjakan paradigma menyeluruh dilakukan setiap lapisan masyarakat bagi memastikan negara tidak digugat oleh elemen luar yang merosakkan kemajuan dan keamanan negara.

Wakilnya, Zuraida Musib, ketika membahaskan usul ucapan Presiden, menekankan pentingnya perubahan sikap itu terutama ketika negara sedang menghadapi serangan luar, khususnya dalam bidang ekonomi dan sosial.

Menurutnya, sikap menyerah kepada takdir kini tidak sesuai, sebaliknya setiap rakyat mengambil pendekatan lebih proaktif bagi menangani masalah dan perubahan yang mendatang.

Sambil menyifatkan ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berani dan membuka minda, beliau berkata intipati ucapan itu harus dihayati supaya bangsa Malaysia tidak ketinggalan.

"Kita harus menerima hakikat bahawa perubahan tetap datang. Kalau kita gagal menangani perubahan ini, kita bukan saja ketinggalan, malah terdedah kepada perkara yang melemahkan kita.

"Kita patut mencontohi sikap tegas dan berani Dr Mahathir yang tidak gentar menghadapi apa sahaja rintangan, terutama apabila di pentas antarabangsa," katanya.

Beliau turut menekankan golongan wanita hari ini sepatutnya tidak lagi berasa rendah diri kerana mereka turut berperanan memajukan keluarga dan negara.

Sehubungan itu, katanya, pergerakan itu mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri yang melantik salah seorang Exco pergerakan itu, Ainon Khariyah Abbas sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, baru-baru ini.

Menurutnya, pelantikan itu adalah satu penghormatan dan pengiktirafan terhadap kemampuan wanita untuk mentadbir kerajaan dan negara.

"Kalau dulu kita (wanita) hanya membancuh air, membawa bunga manggar dan mencukupkan kourum apabila mesyuarat, kini kita duduk bersidang dan disambut dengan paluan kompang.

"Inilah antara perubahan dan hakikat yang perlu kita terima," katanya.

Menurut Zuraida, tiba masanya pergerakan itu turut membuat penilaian terhadap prestasi kerja ahlinya bagi memastikan ia menerima pengiktirafan sewajarnya.

Beliau juga menyarankan agar masyarakat Islam di negara ini menghidupkan semula budaya membaca dan menghayati al-Quran.

(END)